



Dari prompt ke bukti: Pustakawan sebagai rakan pendidikan perubatan era AI

🕒 3/08/2026 | 9:13 PM - 👁 28 - 📁 PERSPEKTIF



Foto janaan AI

SAUDARA PENGARANG

RINGKASAN BERITA AI

AI membantu menjelaskan konsep dan menjana jawapan, tetapi responsnya boleh yakin walau salah; manusia perlu menyemak.

Gabungkan literasi maklumat dan literasi AI supaya pelajar boleh menilai, menyemak, dan mengesahkan bukti saintifik.

Pustakawan sebagai rakan pendidik: membimbing carian, memeriksa rujukan dan membantu pelajar membina penilaian bukti.

Tugasan menilai proses carian dan etika privasi; pelajar diminta membandingkan jawapan AI dengan garis panduan dan kajian rasmi.

Pada Hari Kesihatan Sedunia 2026, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengingatkan bahawa maklumat salah boleh tersebar lebih pantas daripada maklumat yang benar. Ketika kepercayaan terhadap sains semakin diuji, masyarakat perlu lebih cekap membezakan bukti daripada dakwaan yang sekadar kelihatan meyakinkan.

Cabaran ini semakin penting apabila kecerdasan buatan (AI) memasuki bilik kuliah, makmal kemahiran dan ruang pembelajaran perubatan.

Bayangkan seorang pelajar perubatan sedang menyiapkan perbincangan kes sebelum sesi tutorial. Dia memasukkan beberapa gejala pesakit ke dalam aplikasi AI yang menjawab soalan, lalu menerima penerangan lengkap tentang beberapa kemungkinan penyakit dan pilihan rawatan.

Bahasanya profesional, susunannya kemas dan jawapannya kelihatan meyakinkan. Namun, satu rujukan yang diberikan tidak wujud. Cadangan rawatan pula tidak mengambil kira penyakit lain yang dihidapi pesakit atau kesan apabila beberapa ubat digunakan bersama.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

DISYORKAN

Malaria belum 'pergi' : Ujian baharu pendidikan perubatan dan sistem kesihatan

Elak buli meragut hak pendidikan murid OKU

Siapa akan isi pinggan kita

Latihan industri bukan ruang eksploitasi mahasiswa

MS

Persoalannya bukan lagi sama ada AI boleh memberikan jawapan. Persoalan yang lebih penting ialah: Siapakah yang melatih bakal doktor membezakan jawapan yang kedengaran tepat daripada bukti yang benar-benar boleh dipercayai?

AI boleh menerangkan konsep yang sukar, meringkaskan artikel, membina soalan latihan dan membantu pelajar meneroka sesuatu kes. Dalam jadual pengajian yang padat, keupayaan ini memang menarik.

Namun, AI tidak berfikir atau menilai pesakit seperti seorang doktor. Ia menghasilkan jawapan dengan meramal kata dan ayat yang paling sesuai berdasarkan data latihannya. Oleh itu, jawapannya boleh kedengaran yakin walaupun salah, tidak lengkap atau tidak sesuai dengan keadaan pesakit. AI juga tidak memikul tanggungjawab terhadap kesan keputusan itu, manusia tetap perlu menyemak dan menentukannya.

Dalam pendidikan perubatan, kesalahan maklumat bukan sekadar menjejaskan markah. Kefahaman yang salah boleh terbawa-bawa ke sesi latihan, pembentangan kes dan cara seseorang pelajar mempertimbangkan pilihan rawatan.

Risiko menjadi lebih besar apabila AI digunakan untuk menghasilkan video, gambar atau testimoni palsu yang kelihatan seolah-olah datang daripada doktor atau pesakit sebenar.

Apabila kandungan ini dikongsi berulang kali, orang ramai mudah menyangka dakwaan tentang vaksin, ubat atau rawatan tertentu telah disahkan. Padahal, maklumat itu mungkin direka, dipetik di luar konteks atau tidak disokong bukti yang kukuh.

Cabaran ini menunjukkan keperluan membangunkan literasi maklumat dan literasi AI secara bersama dalam kalangan pelajar.

Literasi maklumat membantu mereka mencari, menilai dan menggunakan sumber dengan berkesan, manakala literasi AI membimbing mereka memahami bagaimana jawapan dijana, mengenal pasti kemungkinan kesilapan atau kecenderungan berat sebelah, membina arahan yang sesuai serta menilai sama ada jawapan itu boleh dipercayai.

Dengan kedua-dua kemahiran ini, pelajar tidak hanya cekap menggunakan AI, tetapi juga lebih berhati-hati dalam menilai maklumat yang diterima.

Dalam proses ini, pustakawan boleh memainkan peranan yang lebih dekat sebagai rakan pembelajaran. Mereka bukan sahaja membantu mencari bahan, malah membimbing pelajar memilih sumber yang sahih, menyemak rujukan dan membina keyakinan untuk membuat penilaian sendiri.

Satu pendekatan yang boleh disesuaikan ialah model penyelesaian masalah maklumat berasaskan AI atau AI-IPS, yang diperkenalkan oleh Xinyan Zhou dan rakan-rakan pada 2026.

Model ini membimbing pelajar supaya tidak menerima jawapan AI secara terus, sebaliknya melalui proses mengenal pasti masalah, memperhalusi arahan, menilai jawapan, mengesahkan bukti daripada sumber yang sahih dan menyusun dapatan secara bertanggungjawab. Ringkasnya, pelajar dilatih untuk bertanya, menilai, menyemak dan membuktikan.

Dalam pendidikan perubatan, proses itu bermula apabila pelajar menerima sesuatu kes. Sebelum menggunakan AI, mereka perlu menentukan maklumat yang dicari. Adakah mereka ingin memahami punca penyakit, pilihan rawatan, risiko atau jangkaan perkembangan pesakit?

Selepas itu, pelajar boleh membina arahan yang lebih jelas kepada AI. Walaupun arahan (prompt) yang baik dapat meningkatkan kualiti jawapan AI, AI bukanlah pangkalan data saintifik. Jawapan AI masih perlu disokong melalui carian dalam pangkalan data bibliografi seperti PubMed, Cochrane Library, ClinicalKey atau badan profesional dan agensi kesihatan.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Jawapan AI juga perlu dinilai berdasarkan keadaan sebenar pesakit. Rawatan yang sesuai untuk seorang pesakit mungkin tidak sesuai bagi pesakit lain yang mempunyai alahan, penyakit sampingan, kemampuan kewangan atau

tahap risiko yang berbeza.

MS

Langkah paling penting ialah pengesahan. Setiap dakwaan tentang penyakit, dos ubat, rawatan atau risiko perlu dibandingkan dengan kajian asal, rumusan daripada beberapa kajian, panduan profesional dan sumber rasmi.

WHO sendiri menunjukkan pendekatan yang lebih bertanggungjawab melalui ChatHRP, sebuah alat AI yang sedang diuji untuk membantu petugas kesihatan mencari maklumat kesihatan reproduktif. Jawapannya bersandarkan bukti dan panduan WHO serta menyediakan sumber yang boleh disemak.

Di sinilah peranan pustakawan perlu berkembang dari hanya penyedia akses kepada maklumat, kepada rakan pendidik yang membimbing pelajar dalam perjalanan membina pengetahuan berasaskan bukti.

Pensyarah perubatan membawa pengetahuan bidang, pengalaman mengurus pesakit dan pertimbangan profesional. Pustakawan pula membantu pelajar membina carian yang tepat, mengenal pasti bukti yang kukuh, memeriksa rujukan dan membezakan jurnal yang dipercayai daripada penerbitan yang meragukan.

Kedua-duanya boleh mereka bentuk tugas yang meminta pelajar menunjukkan perjalanan daripada soalan kepada bukti. Pelajar bukan sahaja menyerahkan jawapan, malah perlu menerangkan sumber yang dipilih, dakwaan yang ditolak dan alasan sesuatu bukti dianggap lebih kukuh.

Latihan ini boleh dimasukkan dalam perbincangan kes, latihan simulasi dan tugas perubatan berasaskan bukti. Pelajar boleh diminta membandingkan jawapan AI dengan rujukan rasmi, mengesan rujukan palsu dan menyemak rujukan lain sebelum mempercayai sesuatu dakwaan.

Institusi pula perlu menilai proses mencari, menyemak dan menggunakan maklumat, bukan jawapan akhir semata-mata. Dalam masa yang sama, pelajar perlu memahami aspek etika dan privasi, khususnya apabila melibatkan maklumat pesakit. Tidak semua maklumat sesuai dimasukkan ke dalam aplikasi AI, dan penggunaan teknologi perlu mematuhi prinsip kerahsiaan, keselamatan data serta dasar institusi.

AI boleh mempercepat perjalanan daripada persoalan kepada jawapan. Namun, pustakawan dan pendidik memastikan perjalanan itu tidak berhenti pada jawapan yang sekadar kedengaran benar.

Dalam membina pendidikan perubatan masa hadapan, kemahiran paling penting bukan menghasilkan arahan paling pintar kepada AI. Kemahiran itu ialah memilih bukti, menguji kebenaran dan menjaga amanah terhadap pesakit.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Dr Azril Shahreez Abdul Ghani
Pensyarah Fisiologi dan Pendidikan Perubatan
Kulliyyah Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Rosyidah Tajau Rahim
Timbalan Ketua Pustakawan
Perpustakaan Dar al-Hikmah, Kampus Kuantan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.




Generasi Z: Pemimpin masa depan atau pengikut media sosial?

AI bukan pengganti guru, tetapi pembantu guru masa depan




PALING POPULAR

Jet peribadi terhempas, timbalan menteri dan empat maut



Iran berjaya bedil USS Abraham Lincoln



KATA KUNCI

AI perubatan

BERITA TERKINI



Uganda lulus penghantaran tentera ke...

7 Ogos 2026 4:20 am



PSG sambar Akliouche dari Monaco

7 Ogos 2026 3:48 am



Bank Dunia tawar dana jaminan AS\$750 juta...

7 Ogos 2026 3:22 am



Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.



Guterres kecam Rusia,
Ukraine serang kawasan...

7 Ogos 2026 2:57 am

MS



Rodri beri 'lampu hijau'
rundingan Barcelona...

7 Ogos 2026 2:38 am



Real Madrid ikat bintang
muda Ivory Coast, Yan...

7 Ogos 2026 2:10 am



Venezuela 'masih
membisu' jumlah sebena...

7 Ogos 2026 1:50 am



Wabak taun di Chad ragut
13 nyawa, 240 dijangkiti

7 Ogos 2026 1:26 am



UEFA kekal boikot Piala
Dunia, hilang...

7 Ogos 2026 1:03 am



MotoGP: Grand Prix Britain
kekal dalam kalendar...

7 Ogos 2026 12:24 am

MESTI BACA



Defisit fiskal negara susut
kepada 3.7%, bukti...

6 Ogos 2026 2:20 pm



Malaysia kuasai 80
peratus IPO Asia...

6 Ogos 2026 1:32 pm



Dinamika politik negeri
tidak jejas kestabilan...

6 Ogos 2026 12:29 pm



Terima kasih Cik Man
'warnai' dunia seni

5 Ogos 2026 10:47 pm



Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.



MOF nafi dakwaan
pemberian SARA RM100...

5 Ogos 2026 9:13 pm

MS



Berita Ehwal Semasa

Berita RTM, Wisma Berita,
Angkasapuri Kota Media,
50614 Kuala Lumpur



☎ : +60322823119

✉ : portalberita@rtm.gov.my

✉ : Aduan & Maklum balas

Hak Cipta Terpelihara @ 2026 Radio Televisyen Malaysia, Berita Ehwal Semasa (BES)

Hak Cipta | Penafian | Polisi Keselamatan

Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.



Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.